

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	24 JAM TUTUP PINTU RUMAH : PENDUDUK TAMAN TASEK GELUGOR UTAMA DERITAHIDU BAU BUSUK NAJIS BABI SEJAK SETAHUN LALU
	SUMBER	HARIAN METRO (11 NOVEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

24 jam pintu rumah ditutup

Penduduk Taman Tasek Gelugor Utama derita hidu bau busuk najis babi sejak setahun lalu

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Tasek Gelugor

Tutup pintu rumah 24 jam dan buka hanya perlu. Itu situasi dihadapi penduduk Taman Tasek Gelugor Utama di sini dan beberapa taman perumahan sekitarnya bagi mengelak bau tidak menyenangkan dari parit berhampiran kediaman mereka.

Perkara ini bukan baru, sebaliknya penduduk mendakwa sudah setahun mereka terpaksa berdepan bau meloyakan.

Ia dipercayai susulan tindakan pihak tidak bertanggungjawab melepaskan najis ternakan babi dari ladang di Kampung Selamat ke dalam Sungai Kereh.

Air tercemar itu kemudian mengalir ke kawasan parit beberapa taman perumahan sekitar Tasek Gelugor.



“Apa boleh buat kami sudah beli rumah di sini, jadi terpaksa hadap situasi ini”

Mohamad Syafiq

Seorang juruteknik Mohamad Syafiq Husain, 29, berkata isu pencemaran bau yang dibangkitkan penduduk sekitar kawasan Tasek Gelugor wujud se-



KAWASAN parit di Taman Tasek Gelugor Utama yang mengeluarkan bau kurang enak sehingga penduduk terpaksa menutup pintu kediaman 24 jam. - Gambar NSTP/ NUR IZZATI MOHAMAD

belum taman perumahan itu wujud, namun sehingga kini masih tiada penyelesaian.

“Saya memang ada terba-baca banyak berita mengenai pencemaran bau disebabkan oleh najis ternakan babi yang dilepaskan di Sungai Kereh hingga mencemarkan alam sekitar dan kawasan itu jauh dari taman perumahan ini.

“Taman perumahan ini pula masih baharu dan rata-ratanya mendiami rumah di sini sejak setahun lalu termasuk saya. “Saya dan isteri membeli rumah di taman ini kerana mendapati ia jauh dari ladang

ternakan babi, rupanya sangkaan kami meleset apabila masalah ini turut menghantui kami,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, baru-baru ini.

Katanya, masalah bau kurang menyenangkan banyak disuarakan komuniti taman berkenaan dan kini mereka mengambil langkah menutup pintu rumah termasuk memasang sistem pengudaraan bagi mengurangkan rasa muak.

“Apa boleh buat kami sudah beli rumah di sini, jadi terpaksa hadap situasi ini. “Bau kurang menyen-

gangan ini lebih teruk ketika hujan, selain pada waktu malam,” katanya yang memaklumkan kawasan di hadapan taman perumahannya terutamanya deretan rumah kedai turut berdepan situasi sama.

Menurutnya, rakan-rakan yang bertandang di rumahnya juga turut menyedari kehadiran bau kurang enak itu dan tidak sanggup duduk terlalu lama.

Bagi penduduk, Nurul Asyikin Mohamad, 30, berkata meskipun masih baharu tinggal di taman berkenaan dia berharap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan untuk mengu-

rangkan pencemaran bau dekat situ demi kesejahteraan penduduk.

“Rumah saya agak jauh dari kawasan parit tetapi tetap ada juga bau. Mengam bau ini banyak datang pada waktu-waktu tertentu tetapi tetap rasa loya dan muak.

“Masalah ini bukan hanya dihadapi penduduk taman ini bahkan taman perumahan di sekitar, jadi kami amat berharap masalah ini dapat diatasi segera,” katanya.

Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.

2.	TAJUK	PERSEKITARAN TAMAN TASEK GELUGOR UTAMA BERBAU AKIBAT NAJIS BABI : HANTAR BUANGAN KE KILANG BIOGAS
	SUMBER	HARIAN METRO (12 NOVEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

PERSEKITARAN TAMAN TASEK GELUGOR UTAMA BERBAU BUSUK AKIBAT NAJIS BABI

Hantar buangan ke kilang biogas

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Tasek Gelugor

Kerajaan negeri sudah mengarahkan penternak babi di Kampung Selamat, dekat sini, supaya menghantar najis ternakan haiwan itu ke kilang biogas yang dibina di Jawi dekat Nibong Tebal.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, tindakan itu diambil sebagai usaha mengatasi masalah pencemaran di Sungai Kereh hingga menimbulkan bau kurang menyenangkan terhadap penduduk sekitar kawasan berkenaan.

Katanya, ia tindakan sementara diambil kerajaan negeri sementara menunggu kelulusan pembinaan kilang biogas di Kampung Selamat di sini daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra).

Katanya, pembinaan kilang biogas di Jawi sudah siap dan akan beroperasi dalam tempoh masa terdekat.

"Sepatutnya memang akan dibina kilang biogas (pusat pemprosesan najis ternakan) di Kampung Se-



lamat, tetapi kita perlu menunggu kelulusan Petra yang mengambil masa lama.

"Jadi, kerajaan negeri bertindak lebih ke hadapan apabila akan mengeluarkan surat permohonan kepada operator kilang biogas di Jawi untuk minta mereka mencari cara bagaimana

hendak kumpulkan najis babi dari Kampung Selamat dan diproses (di kilang biogas di Jawi)," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Semalam Harian Metro melaporkan penduduk Taman Tasek Gelugor Utama di sini dan beberapa taman perumahan sekitarnya terpaksa menutup pintu selama 24 jam bagi mengelak bau tidak menyenangkan dari parit berhampiran kediaman mereka.

Perkara ini bukan baru, sebaliknya penduduk mendakwa sudah setahun mereka terpaksa berdepan bau meloyakan.

Ia dipercayai susulan tindakan pihak tidak bertanggungjawab melepaskan najis ternakan babi dari ladang di Kampung Selamat ke dalam Sungai Kereh.

Fahmi berkata, mod penghantaran najis berkenaan masih dibincang antara pemilik ladang dan operator kilang gas di Jawi.

"(Ia) Sama ada penternak

di Kampung Selamat menghantar najis ternakan babi sendiri menggunakan lori atau operator di Jawi mengambil kemudian dikenakan caj bayaran...semua itu masih dalam perbincangan.

"Bagaimanapun pelaksanaan akan dijalankan secepat mungkin kerana kerajaan negeri komited untuk menyelesaikan permasalahan yang sudah meruncing sejak sekian lama," katanya.

Menurutnya, sekiranya penternak babi masih menyingkari arahan dan terus melepaskan sisa ternakan ke dalam sungai tindakan tegas akan diambil terhadap mereka.

Untuk rekod, terdapat 130,000 ekor babi di 61 ladang ternakan di Kampung Selamat yang sudah beroperasi lebih 40 tahun.



"Jadi, kerajaan negeri bertindak lebih ke hadapan apabila akan mengeluarkan surat permohonan kepada operator kilang biogas di Jawi untuk minta mereka mencari cara bagaimana hendak kumpulkan najis babi dari Kampung Selamat dan diproses (di kilang biogas di Jawi)"

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol

3.	TAJUK	SUNGAI SKUDAI DIPENUHI SAMPAH LEBIH 20 TAHUN
	SUMBER	BH (14 NOVEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)



Sikap penduduk tak endah pelbagai kempen punca sumber air tercemar

Oleh Mohamad Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Timbunan sampah yang terlampar di tebing Sungai Skudai, di sini, bukan sahaja mencemarkan sumber bekalan air negeri, malah mengundang pemandangan menjijikkan.

Tinjauan di Sungai Skudai berhampiran Taman Perling, di sini, mendapati beberapa longgokan sampah tersangkut di pokok sekitar tebing sungai seolah-olah ia diisikan tong sampah terbuka.

Sampah yang dibuang ke sungai itu termasuk tong sampah beroda, pembungkus makanan, kotak, botol arak serta pelbagai jenis plastik yang bertebaran di tebing sungai berkenaan.

Walaupun pelbagai inisiatif diperkenalkan kerajaan negeri untuk menangani isu pencemaran sungai di Johor, sikap masyarakat yang masih terus menjadikan sungai dan saluran sebagai 'tong sampah' menyebabkan isu berkenaan tidak berkesudahan.

Pesara swasta, Ahmad Idris, 63, berkata keadaan Sungai Skudai yang diremari sampah sudah berlarutan sejak lebih 20 tahun lalu kerana ia terletak di tengah kawasan penempatan padat.

Katanya, apabila hujan lebat atau air sungai surut, longgokan sampah besar boleh dilihat jelas mengalir mengikut arus, selalu timbunan sampah yang tersangkut di pokok dan tebing sungai.

"Sungai Skudai sudah dicemari sampah bukan baru-baru ini



tetapi sudah berpuluh tahun. Penduduk di sini sudah lali melihat sampah sarap memenuhi sungai.

"Cuba tengok di tebing di celah pokok pun sudah nampak longgokan sampah sarap tersangkut.

"Apabila hujan lebat atau air sungai surut, lebih banyak sampah sarap jelas kelihatan mengalir mengikut arus.

"Bagaimanapun, saya dan penduduk kampung berhampiran sungai ini masih setia memancing dan menggali di sini kerana pelbagai hidupan sungai boleh didapati, namun ia tidak sehebat dulu," katanya ketika ditemui.

Sungai Skudai antara sembilan sungai di Johor yang disenaraikan dalam kategori sungai tercemar negara 2023 dan dikategorikan berada dalam pengkelasan kualiti air sungai (KKA) kelas tiga dan empat, oleh Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA).

Jan lalu, media melaporkan kira-kira 300 tan sampah sarap dikutip di Sungai Skudai dan Sungai Tebeau, di sini, setiap bulan, sejak tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, dilaporkan berkata ju-

milah itu sangat besar kerana ia hanya membabitkan dua sungai di bandar raya ini dan Johor Bahru.

Lancar program

Sehubungan itu, Kerajaan Johor melancarkan program Johor Bersih@Sungai, yang akan diperkenalkan di 10 daerah negeri ini bagi menangani isu pencemaran sungai, mulai tahun ini.

Pada 2022, Menteri Besar, Datuk On. Hafiz Ghazi dilaporkan kecerwa susulan tahap kebersihan Sungai Skudai yang disifatkan sangat mendukacitakan dan dipenuhi pelbagai longgokan sampah sarap dan sisa buangan.

On Hafiz dilaporkan terkejut apabila menemukan banyak bangkai haiwan dan sampah plastik ketika mengadakan Program Pembersihan Sungai Skudai sempena Johor Bersih di Sungai Skudai, Taman Impian Emas, ketika itu.

Susulan itu, kerajaan negeri dilaporkan mencari likhtiar bagi melaksanakan inisiatif yang dirancang menerusi Program Johor Bersih agar objektifnya tercapai, sekali gus menjadikan Sungai Skudai sebagai sungai contoh di negeri ini.

3.	TAJUK	SUBPERMUKAAN LEMBAH KELANG DITAMBAHBAIK ELAK TANAH JERLUS
	SUMBER	BH (14 NOVEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

“Data ini juga akan digunakan untuk perancangan pelan pembangunan khususnya di kawasan bawah tanah (stratum)”

*Nik Nazmi Nik Ahmad,
Menteri Sumber Asli dan
Kelestarian Alam*



Subpermukaan Lembah Klang ditambah baik elak tanah jerlus

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sedang menambah baik dan melengkapkan maklumat subpermukaan kawasan Lembah Klang bagi mengelak insiden tanah jerlus seperti yang berlaku di Masjid India, Ogos lalu.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia membabitkan 10 pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui Projek Pemetaan Geologi Subpermukaan Greater KL (3DKL).

“Projek ini berupaya menyediakan data dan maklumat geologi subpermukaan untuk pengurusan risiko bencana geologi termasuk kejadian mendapan tanah dan tanah jerlus.

“Data ini juga akan digunakan untuk perancangan pelan pembangunan khususnya di kawasan bawah tanah (stratum),” katanya melalui jawapan lisan yang diarkankan di laman web Parlimen.

Beliau menjawab Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim (PN-Kuala Terengganu) yang bertanya tindakan susulan JMG susulan insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, selain status laporan teknikal hasil siasatan

berkaitan geologi dan struktur bawah permukaan dengan kerjasama Pasukan Petugas Khas Struktur Tanah Masjid India.

Nik Nazmi berkata, susulan tanah jerlus di Jalan Masjid India, aktiviti pembangunan dan pembinaan yang membabitkan kerja seperti pengepaman air bawah tanah, penggerudian, penerowongan dan peritombongan juga perlu dikawal bagi mengelak gangguan kepada regim air bawah tanah dan gegaran pada tanah.

“JMG menyediakan Laporan Teknikal Sektorial berhubung insiden terbabit. Laporan ini memberi fokus kepada analisis data, hasil aktiviti pemetaan subpermukaan melalui survei geofizik menggunakan peralatan Ground Penetrating Radar (GPR) dan mengenal pasti tiada rongga batu kapur di zon yang mengalami deformasi struktur tanah.

“DBKL mengguna pakai hasil laporan ini bagi menjalankan siasatan tapak secara terperinci melalui kaedah lubang gerudi dan Ujian Proba Mackintosh (ujian penentuan keupayaan tanah) bagi memperoleh profil subpermukaan terperinci, memastikan integriti struktur tanah dan mempertimbangkan tindakan mitigasi yang sesuai,” katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**